

# Othman Rauf tidak gentar

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengiran Othman Rauf menegaskan beliau tidak gentar dipecat oleh parti Berjaya malahan akan terus berkhidmat untuk rakyat sebagai Ahli Parlimen Kimanis.

Beliau akan melepaskan kerusi Parlimen itu hanya jika disuruh berbuat demikian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional.

"Saya tidak merasa cemas kerana apa saja yang pucuk pimpinan Berjaya lakukan, rakyat Sabah, khasnya anggota Berjaya sedar siapa sebenarnya yang bersalah," tambah beliau ketika dihubungi oleh Bernama hari ini.

Datuk Pengiran Othman yang juga bekas Naib Presiden Berjaya menjelaskan beliau memang bersedia menghadapi apa sahaja tindakan parti itu.

## Tindakan sendiri

"Saya ingin tegaskan di sini bahawa dengan terpecatnya saya dari Berjaya tidak bermakna saya tidak boleh bergiat dalam politik kerana Berjaya bukan satu-satunya wadah untuk berkhidmat kepada rakyat," tambah beliau.

Datuk Pengiran Othman menegaskan beliau tidak bergantung atau mengharapkan pertolongan sama ada daripada Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh atau Berjaya untuk masa depan politiknya.

"Saya seorang tokoh politik dan saya mempunyai langkah dan tindakan sendiri tanpa memerlukan arahan sesiapa," tambah beliau.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas sama ada kenyataan itu bermakna beliau akan menganggotai parti lain ataupun menubuhkan parti baru tidak lama lagi.

"Saya mempunyai pengikut dan penyokong dan akan berunding dengan mereka untuk tindakan selanjutnya."

"Saya kini mengambil sikap tunggu dan lihat," katanya.

## Pengadilan rakyat

Ditanya kemungkinan beliau dipaksa melepaskan kerusi Parlimen Kimanis yang dimenangnya atas tiket Berjaya, Datuk Pengiran Othman berkata: "Datuk Harris boleh berbuat apa sahaja."

Bagaimanapun, beliau percaya rakyat Sabah sudah dewasa dan tahu mengenal antara kaca dengan beralian, dan "biarlah mereka yang membuat penilaian dan pengadilan."

Pemecatan Datuk Pengiran Othman telah diumumkan oleh Timbalan Presiden Berjaya, Datuk Dr James Ongkili di Kota Kinabalu semalam.

Sementara itu, Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Abdul Rahman, berkata hari ini bahawa tempat duduk bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengiran Othman Rauf, di Dewan Rakyat akan ditentukan.

Katanya, terpulanglah kepada Datuk Pengiran Othman sendiri menentukannya. Bagaimanapun beliau perlu memberitahunya mengenai perkara itu.

Datuk Pengiran Othman telah dipecat dari Berjaya semalam.

Datuk Azizul berkata, selepas Datuk Pengiran Othman menyatakan pendiriannya, Speaker Dewan Rakyat akan membuat keputusannya.

Di Kota Kinabalu, Timbalan Presiden Berjaya, Datuk Dr James Ongkili berkata, Datuk Pengiran Othman masih dianggap sebagai seorang penyokong kerajaan di Parlimen walaupun telah dipecat dari parti itu.

Kedudukan ini tidak akan berubah selagi Speaker Dewan Rakyat tidak membuat keputusan sebaliknya.

Datuk Dr James Ongkili mengulas perkara itu sebelum ke ibu negara hari ini.

Menyentuh pemecatan itu, beliau berkata sungguhpun perkara itu adalah satu tindakan yang keras ia wajar dilakukan demi menjamin kestabilan dan disiplin parti. — Bernama.